

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak Mac 2020, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan pembaharuan terhadap beberapa undang-undang perburuhan bagi memastikan undang-undang tersebut dapat memenuhi keperluan semasa, khususnya isu-isu yang timbul setelah tercetusnya pandemik COVID-19.

Undang-undang yang sedang dipinda termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*], Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*].

Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 dan RUU Kilangan dan Jentera (Pemansuhan) 2020 telah diluluskan untuk bacaan kali ketiga Di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2021 dan dijangka akan dibentangkan di Dewan Negara pada Disember 2021.

Manakala RUU Kerja (Pindaan) 2021 pula telah dibentang di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 25 Oktober 2021 dan dijangka akan dibentang untuk bacaan kali kedua pada Disember 2021.

Bagi Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*], draf pindaan sedang dalam semakan terakhir Jabatan Peguam Negara sebelum di bawa ke Parlimen untuk bacaan kali pertama.